

U B689 DEB
MAHATHIR - KEAMANAN

JITRA, 10 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEAMANAN DI MALAYSIA DITENTUKAN OLEH KEKUATAN UMAT ISLAM.

+JIKA UMAT ISLAM LEMAH, KERAJAAN PUN AKAN LEMAH DAN KITA AKAN DITEKAN OLEH PIHAK LAIN,+ KATANYA PADA MAJLIS BERBUKA PUASA DI MASJID TANJUNG PAUH DI SINI MALAM TADI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, UMAT ISLAM DI NEGARA INI KINI SEDAR AKAN NIKMAT KEAMANAN DAN SENTIASA MEMELIHARA KEAMANAN ITU.

+BANYAK ORANG MENGANGGAP KEAMANAN DI NEGARA INI SEBAGAI PERKARA BIASA DAN MEREKA TIDAK MENGHARGAI KEADAAN ITU. SEBENARNYA IA PERKARA YANG LUAR BIASA. DI SESETENGAH NEGARA LAIN, PENDUDUKNYA SENTIASA MENGHADAPI RUSUHAN KAUM SERTA AGAMA DAN MEREKA SENTIASA HIDUP DALAM KETAKUTAN,+ KATANYA.

+RAKYAT DI NEGARA INI TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN AGAMA. SEPATUTNYA ADA RUSUHAN ANTARA KAUM DAN AGAMA TETAPI RUSUHAN TIDAK BERLAKU KERANA RAKYAT MENJAGA KEAMANAN ITU,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.
1018MST 10 04 90

0060

U B690 DEB
MAHATHIR - KEAMANAN 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT SEHARUSNYA BERSYUKUR DAN INSAF AKAN NASIB MEREKA KERANA ORANG YANG INSAF DAN BERSYUKUR ITU AKAN MEMAHAMI PENDERITAAN ORANG LAIN SERTA LEBIH BERTIMBANG RASA DAN SUKA MENOLONG.

+YANG PENTING, KITA TIDAK HARUS BERPECAH-BELAH. PERPECAHAN ITU YANG MULANYA SEDIKIT, LAMA-LAMA JADI BESAR, JADI RUSUHAN,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH KATA, WALAUPUN RAKYAT DIBENARKAN UNTUK MEMPUNYAI PENDAPAT YANG BERBEZA-BEZA, IA TIDAK SEHARUSNYA MENGORBANKAN KEAMANAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGAJAK RAKYAT SUPAYA MENGENANG NASIB UMAT ISLAM DI NEGARA LAIN YANG TIDAK BEBAS MENGAMALKAN IBADAT DAN AGAMA KERANA NEGARA MEREKA DIJAJAH OLEH KERAJAAN KOMUNIS.

+KINI GOLONGAN MUDA DI NEGARA-NEGARA ITU BUKAN SAHAJA TIDAK TAHU MENGENAI AGAMA ISLAM SAMA SEKALI BAHKAN AGAMA ISLAM HANYA DIPELAJARI SEBAGAI SEJARAH OLEH MEREKA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI KEMUDIANNYA BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SELEPAS MAJLIS BERBUKA PUASA ITU. -- BERNAMA.
1021MST 10 04 90